

MDEC dan SEG lancar Sekolah Pengekodan Percuma Pertama di Malaysia

- *Kerjasama ini menandakan pencapaian penting dalam memastikan kesinambungan sumber tenaga kerja berteknologi tinggi yang berpengalaman di masa hadapan*
- *Kerjasama awam-swasta menjadi kunci utama untuk mencapai agenda negara berdasarkan Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL)*

CYBERJAYA, 4 MEI 2021: Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), agensi utama yang diberi mandat untuk transformasi ekonomi digital negara telah bekerjasama dengan Kumpulan Pendidikan Sunway (SEG) untuk mengumumkan kohort pertama pelajar untuk kampus 42KL, iaitu sekolah pengkodan pertama di Malaysia yang menawarkan pengajian tanpa yuran, tanpa guru dan tanpa kelas pembelajaran secara tradisional.

Dalam usaha berterusan untuk melahirkan tenaga kerja teknologi berkualiti yang diperlukan dalam memacu perkembangan pesat ekonomi digital, MDEC mengiktiraf kepentingan kerjasama di antara sektor awam dan swasta serta peranan yang dimainkan oleh 42KL dalam mencapai objektif tersebut.

"Forum Ekonomi Dunia (WEF) menerusi laporan '*The Future of Jobs Report 2020*' menyatakan lapan daripada sepuluh pekerjaan utama di dunia memerlukan kemahiran teknologi digital. Manakala *LinkedIn* dalam laporannya, '*Emerging Jobs Report Malaysia 2020*' melaporkan enam daripada sepuluh pekerjaan pada masa hadapan adalah berkaitan digital. Semua ini menerangkan mengenai pekerjaan berasaskan digital akan mendapat permintaan tinggi. Oleh itu, MDEC akan memastikan bekalan tenaga kerja berteknologi akan terpelihara dan berterusan demi memenuhi objektif yang dinyatakan dalam Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL) " kata Surina Shukri, Ketua Pegawai Eksekutif, MDEC.

Kampus 42 yang pertama ditubuhkan di Paris, Perancis pada 2013 dan kampus kedua di Lembah Silikon, Amerika Syarikat pada 2016. Kampus 42 Bandar Sunway Kuala Lumpur menawarkan peluang pendidikan unik kepada rakyat Malaysia tanpa mengira latar belakang sosio ekonomi dan pendidikan.

42 menggunakan model pembelajaran rakan bersama rakan, iaitu tiada sebarang kelas atau guru sebaliknya hanya para pelajar yang akan menentukan kejayaan mereka berdasarkan 100 peratus suasana projek secara pengalaman langsung. Untuk mara dalam pembelajaran, mereka harus mengambilkira keupayaan kumpulan, perkongsian maklumat, memainkan peranan dengan membantu dan menerima bantuan daripada rakan-rakan sekumpulan. Model pembelajaran ini adalah tertakluk kepada kepintaran secara kolektif seperti dalam dunia kerjaya profesional sebenar dan membantu melahirkan tenaga kerja berkualiti bukan secara pembelajaran konvensional tetapi menerusi pencarian, eksperimentasi dan sesi mempertahankan idea mereka.

"Kami di Sunway akan terus berusaha memberikan pengalaman pembelajaran berkualiti menerusi penggunaan teknologi dan cara baharu dalam pendidikan dan pembelajaran. Melalui kerjasama dengan industri, ia sesuatu yang menarik dengan kaedah 42KL berdasarkan sesebuah projek dan pembelajaran rakan-bersama-rakan yang tiada yuran pengajian dan terbuka untuk semua. Saya percaya, menerusi laluan pendidikan alternatif dan inovatif ini, kami mampu untuk menjangkau lebih ramai pelajar di seluruh negara dengan pelbagai latar belakang yang luas.

Visi dan status 42KL yang bukan berasaskan keuntungan adalah sejajar dengan objektif Yayasan Jeffrey Cheah yang ingin memberi peluang sama rata kepada para pelajar. Menerusi kaedah pembelajaran alternatif ini, kami telah menjalankan tanggungjawab dalam memastikan tiada pelajar yang akan tercicir. Kami di Sunway juga percaya masa hadapan pendidikan adalah bersifat pelbagai dimensi, terutamanya yang menggunakan sumber dan teknologi pada era Revolusi Perindustrian 4.0 (IR4.0). Menerusi 42KL, kami dapat mempersiapkan generasi sekarang dengan mengatasi jurang tenaga kerja untuk pembangunan teknologi di Malaysia," kata Profesor Elizabeth Lee, Ketua Pegawai Eksekutif, Kumpulan Pendidikan Sunway.

42KL disokong oleh rakan-rakan utama berikut seperti Kumpulan Sunway, CIMB Bank, DHL, Roland Berger, Carsome, Huawei, Standard Chartered, SIDEC, HSBC, Tenaga Nasional, FWD Insurance dan Celcom.

Sejak laman web 42KL dilancarkan pada Julai 2020, sebanyak 3,600 pendaftaran telah dicatatkan sehingga 1 Januari 2021. Daripada keseluruhan permohonan tersebut, 1,600 sedang menjalani Ujian Logik & Aptitud dalam Talian, dengan lebih 600 telah berjaya melepasi ujian tersebut dan 225 telah mengikuti sesi kem intensif Piscine. 75 pemohon telah berjaya menjadi pelajar dalam program utama selama 12 bulan.

Para pelajar 42KL terdiri daripada pelbagai latar belakang dengan 50 peratus daripadanya keluarga B40, berusia di antara 18 dan 49 tahun, dan 70 peratus daripadanya adalah golongan wanita.

"Saya mengetahui mengenai 42KL menerusi laman *LinkedIn* MDEC sewaktu saya mencari peluang pekerjaan '*freelance*'. Saya berminat kerana ia menawarkan pembelajaran tanpa yuran pengajian dan tanpa kelas. Jika saya berjaya dalam kursus ini, saya ingin meneruskan membina projek saya dan akan mencari syarikat yang ingin melabur," kata Nabil Anwar, 21 tahun, salah seorang kadet 42KL.

"Saya adalah salah seorang daripada peserta Piscine, di mana saya perlu melepaskannya terlebih dahulu jika saya ingin mara ke dalam program utama. Saya teruja untuk menyertai program utama kerana ia dapat memastikan saya dapat menguasai sesuatu kemahiran. Lagipun, dengan suasana pembelajaran bersama rakan-rakan, bantuan amat diperlukan dalam sesuatu subjek seperti bagaimana ingin menyelesaikan pengekodan -- menerusi bantuan rakan-rakan di peringkat lain, ia sangat membantu! Kaedah ini sangat sesuai untuk saya," kata Nabihah Md Zaid, 29 tahun, yang sedang menjalani peringkat Piscine.

Piscine adalah sebuah kem intensif di mana para peserta akan diuji mengenai keazaman dan kesungguhan mereka dalam menyelesaikan masalah yang rumit bersama rakan-rakan. Pendaftaran bagi kem intensif Piscine kini dibuka sehingga Julai 2021. Untuk maklumat lanjut mengenai 42KL, sila layari: <https://42kl.edu.my/>.

###

Mengenai Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)

Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) adalah agensi kerajaan di bawah seliaan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) yang diberi kepercayaan untuk memimpin ekonomi digital Malaysia ke hadapan.

Diperbadankan pada 1996 untuk mengawasi pengembangan inisiatif MSC Malaysia, mandat utama MDEC hari ini adalah untuk mempercepat pertumbuhan rakyat Malaysia yang mahir secara digital, perniagaan bertenaga digital dan pelaburan digital di Malaysia. MDEC difokuskan untuk mewujudkan pertumbuhan yang inklusif dan berkualiti tinggi melalui inisiatif digitalisasi di seluruh negara yang sejajar dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030) dan Malaysia 5.0 serta pantas bergerak ke arah menjadikan Malaysia sebagai Nadi Digital ASEAN.

#KitaBinaBersama #MemacuDigitalMalaysiaKeHadapan

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai inisiatif Ekonomi Digital MDEC, sila kunjungi kami di www.mdec.my atau ikuti kami di: Facebook: <https://www.facebook.com/MyMDEC/> Twitter: @mymdec

About Sunway Education Group

The Sunway Education Group, which commenced with the establishment of Sunway College in 1987, is an entity synonymous with quality education. Owned and governed by the Jeffrey Cheah Foundation,

the Sunway Education Group consists of Sunway University, Sunway College, Sunway International School as well as 12 other institutions.

The Sunway Campus in Sunway City, Kuala Lumpur is a hub of multicultural interaction, a platform for sharing, learning and networking. In its aim to deliver high quality education, conducive study environment and overall learning experience, Sunway University has received recognition that places it on par with, the long established international institutions.

In the QS Stars ratings, Sunway University obtained an overall 5 Stars. The QS Stars ratings focuses on areas such as teaching and employability. Sunway University has been rated 5 Stars in these categories; employability, facilities, inclusiveness, social responsibility and teaching.

Sunway College in the MyQuest 2016/2017, received 6 stars in the college-based rating, international student services and general programmes cluster with 5 stars in the Social Sciences, Business and Law cluster, further proving itself as a leading learning institution in Malaysia. The Malaysian Quality Evaluation System for Private Colleges (MyQUEST) is one of the most authoritative ratings for Malaysian private colleges.

Jeffrey Cheah Foundation (JCF) launched in March 2010 operates upon the philosophy of its Founder and Trustee, Tan Sri Dr Jeffrey Cheah AO, who is passionate about giving back to society through education. To date, a total of more than RM538 million in scholarships has been disbursed by the Foundation to thousands of deserving students. The amount continues to grow as the Foundation remains steadfast in its commitment to giving to society through quality higher education.

Pertanyaan lanjut, sila hubungi:

Dashika Gnaneswaran - dashika.gnaneswaran@mdec.com.my

Simon Yap – simon.yap@mdec.com.my